



ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN AKTIF BAHASA ARAB TAHUN EMPAT SEKOLAH RENDAH

[NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF AN ACTIVE LEARNING MODULE OF ARABIC FOR YEAR FOUR PRIMARY SCHOOL]

Nurul Anisa Abdul Aziz^{1*} & Zarima Mohd Zakaria¹

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

* Corresponding Author: anisaaziz26499@gmail.com

Received: 14/5/2024

Accepted: 29/7/2024

Published: 31/8/2024

Abstrak

Kaedah pembelajaran aktif merupakan satu elemen penting yang perlu diterapkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab terutamanya di peringkat rendah bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Arab. Namun demikian, segelintir guru masih mengamalkan kaedah pengajaran konvensional seperti syarahan, terjemahan dan catatan nota. Justeru, pengkaji ingin membangunkan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah bagi membantu guru-guru yang tidak mempunyai buku panduan yang jelas tentang pelaksanaan aktiviti pembelajaran aktif. Sebelum modul dibangunkan, pengkaji menjalankan analisis keperluan menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 121 orang guru bahasa Arab tahun empat di sekolah rendah daerah Muallim, Batang Padang, Hilir Perak dan Bagan Datuk. Data dikutip melalui soal selidik dalam talian menggunakan *Google Form*. Instrumen soal selidik mempunyai dua konstruk yang ingin dinilai iaitu tahap keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat dan tahap keperluan item isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran dalam kandungan modul pembelajaran aktif. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 29.0 untuk mengetahui nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk. Hasil kajian mendapati tahap keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat adalah tinggi dengan nilai min 4.59 dan tahap keperluan item isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran dalam kandungan modul pembelajaran aktif juga tinggi dengan nilai min 4.35. Melalui kajian analisis keperluan ini, pengkaji dapat mengetahui pembinaan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun

empat adalah sangat diperlukan oleh guru-guru untuk dijadikan sebagai panduan dalam PdP.

Kata kunci: Analisis keperluan, modul, pembelajaran aktif, bahasa Arab, sekolah rendah

Abstract

The active learning method is an important element that needs to be applied by teachers in the teaching and learning of the Arabic language, especially at the primary level to attract students' interest in learning Arabic. Nevertheless, a few teachers still practice conventional teaching methods such as lectures, translations and notes. Thus, the researcher wants to develop an active learning module of Arabic language in the fourth year of primary school to help teachers who do not have a clear guidebook on the implementation of active learning activities. Before the module was developed, the researcher conducted a needs analysis using a quantitative design through a questionnaire that was distributed to 121 fourth-year Arabic language teachers in primary schools in the districts of Muallim, Batang Padang, Hilir Perak and Bagan Datuk. Data was collected through an online questionnaire using Google Form. The questionnaire instrument has two constructs that are to be assessed, namely the level of need to carry out active learning methods in the fourth-year Arabic teaching and learning and the level of need for content items, activities, materials and assessment in the content of the active learning module. The findings of the study were analyzed descriptively using SPSS software version 29.0 to find out the mean value and standard deviation for each construct. The results of the study found that the level of need to carry out active learning methods in the fourth-year Arabic teaching and learning is high with a mean value of 4.59 and the level of need for content items, activities, materials and assessment in the content of the active learning module is also high with a mean value of 4.35. Through this needs analysis study, the researcher was able to find out that the construction of the fourth-year Arabic language active learning module is very necessary for teachers to be used as a guide in the teaching and learning.

Keywords: *needs analysis, module, active learning, Arabic language, primary school*

Cite as: Aziz, N. A. A., & Zakaria, Z. M. (2024). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah [Needs analysis for the development of an active learning module of Arabic for Year Four primary school]. *Afaq Lughawiyyah*, 2(2), 320–338. <https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.109>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Pendidikan bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik dan istimewa dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Arab adalah asas dalam pendidikan pondok dan sistem sekolah aliran agama suatu ketika dahulu namun kini diangkat menjadi salah satu mata pelajaran dalam pendidikan arus perdana di sekolah dan institusi pendidikan (Zaini et al., 2019). Bahasa Arab sangat penting untuk dipelajari kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran. Dengan mempelajarinya setiap muslim dapat memahami ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perintah, suruhan, larangan dan hukum-hukum syarak (Hussin et al., 2018).

Selain itu, kepentingan mempelajari bahasa Arab meliputi kepentingan untuk mendalami ilmu pengetahuan, penyelidikan, sosial, ekonomi, politik, pelancongan dan hubungan antarabangsa. Ianya juga mengambil kira keperluan generasi baharu untuk menguasai lebih daripada satu bahasa selain bahasa ibunda (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Semasa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 sehingga 2010, bahasa Arab dijadikan mata pelajaran tambahan dan peruntukan waktu bahasa Arab hanya dua waktu seminggu. Menyedari tentang kepentingan mempelajari bahasa Arab, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan mata pelajaran bahasa Arab sebagai subjek elektif dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan peruntukan waktu turut bertambah menjadi tiga waktu seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Isi kandungan mata pelajaran bahasa Arab KBSR lebih menekankan kepada aspek tatabahasa manakala silibus bahasa Arab KSSR menengahkan aspek kemahiran bahasa iaitu penekanan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta mengaplikasikan asas tatabahasa Arab dalam kemahiran-kemahiran tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Penekanan aspek kemahiran bahasa dalam silibus bahasa Arab KSSR menyebabkan guru-guru perlu melaksanakan kaedah PdP yang lebih berkesan dan menyeronokkan contohnya dengan memasukkan elemen pembelajaran aktif seperti dialog, lakonan dan permainan bahasa yang melibatkan murid secara langsung dalam PdP sejajar dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 (PAK-21) yang berpusatkan murid.

Bersesuaian dengan PdP yang memfokuskan kemahiran bahasa, Teknologi Integrasi Matrik (TIM) dalam Ariana (2016) menggariskan beberapa strategi PdP yang menggambarkan bagaimana guru dapat menggunakan teknologi untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid menggunakan pelbagai pendekatan. Antara pendekatan yang diketengahkan seperti pendekatan inkuiri, pendekatan berasaskan masalah, pendekatan berasaskan projek, pendekatan pembelajaran masteri, pendekatan kontekstual dan pendekatan berasaskan pengalaman.

Di samping itu, TIM juga memperkenalkan lima jenis reka bentuk instruksi iaitu pembelajaran aktif, pembelajaran konstruktif, pembelajaran bermatlamat, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran autentik. Pendekatan dan reka bentuk instruksi yang digariskan oleh TIM menggunakan lima tahap integrasi teknologi iaitu tahap kemasukan (*entry level*), tahap penerimaan (*adoption level*), tahap penyesuaian (*adaptation level*), tahap penyerapan (*infusion level*) dan tahap transformasi (*transformation level*) dengan setiap lima ciri persekitaran pembelajaran yang bermakna.

Kurikulum PAK-21 sepatutnya menggunakan TIM sebagai menyahut dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) gelombang ketiga (2021-2025) yang memfokuskan kepada anjakan ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan operasi, yang mana pada permulaan gelombang ini, semua sekolah, guru dan guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum seperti yang dihasratkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Guru-guru perlu berusaha

merealisasikan hasrat KPM dengan melaksanakan PdP yang lebih interaktif dan efektif seiring dengan perkembangan dan kemajuan dalam teknologi pendidikan.

Bagi memastikan pelaksanaan KSSR mencapai matlamat KPM, guru perlu menekankan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan memfokuskan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri serta Pembelajaran Berasaskan Projek dalam PdP supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Kedua-dua pendekatan tersebut dikategorikan sebagai pendekatan pembelajaran aktif. Justeru itu, pengkaji ingin menjalankan kajian kaedah pembelajaran aktif kerana ingin memenuhi keperluan PAK-21 dalam menunaikan hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Tambahan pula, kajian ini akan membantu guru-guru bahasa Arab tahun empat sekolah rendah yang memerlukan modul sebagai panduan dan alternatif dalam melaksanakan PdP pembelajaran aktif.

Kajian pembangunan modul mempunyai tiga fasa yang dimulai dengan kajian analisis keperluan kepada sampel ataupun sasaran yang akan menggunakan modul tersebut bagi mengetahui tahap keperluan dan isi kandungan modul. Seterusnya pada fasa kedua pengkaji akan mereka bentuk dan membangunkan modul berdasarkan kepada dapatan kajian analisis keperluan. Pengkaji akan menyiapkannya sehingga selesai kemudian modul tersebut akan dinilai dari sudut kebolegunaan oleh pakar pada fasa ketiga. Oleh itu, bagi menyiapkan sebuah modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat, pengkaji perlu memulakan kajian dengan analisis keperluan terhadap guru-guru bahasa Arab yang mengajar murid tahun empat sekolah rendah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Hala tuju pendidikan negara yang telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah menentukan matlamat untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai pendidikan bertaraf dunia. Gagasan ke arah itu menuntut komitmen yang padu daripada semua pihak terutama guru. KPM sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti guru kerana perkara tersebut antara faktor besar yang mempengaruhi pembelajaran pelajar. Matlamat ini dapat dicapai sekiranya kita mempunyai guru yang kompeten dalam profesionnya seperti yang ditegaskan dalam kajian Zaini et al. (2020) bahawa kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bergantung kepada tahap kompetensi guru.

Guru juga bermasalah dalam melaksanakan pedagogi yang sesuai, kurang mahir dalam menggunakan bahan bantu mengajar dan gagal memanfaatkan teknologi dalam pengajaran. Hal ini menyebabkan murid menjadi semakin tidak berminat dan tidak aktif semasa pembelajaran bahasa Arab kerana kaedah yang digunakan bersifat konvensional serta tidak mengikut arus perkembangan teknologi pendidikan. Guru seharusnya mempunyai pengetahuan pedagogi yang mantap agar pembelajaran menjadi lebih bermakna bukannya terhad berorientasikan peperiksaan dan buku teks semata-mata (Zaini et al., 2020).

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohamad et al., (2017) mendapati bahawa guru kurang menggunakan bahan dan alat bantu mengajar daripada teknologi maklumat. Gabungan pendidikan dan teknologi maklumat membantu guru memperkayakan teknik penyampaian pengajaran dengan rangsangan yang terdapat pada teknologi seperti audio, video, grafik, dan animasi yang dapat membantu murid mempelajari bahasa Arab dengan cepat dan berkesan. Guru seharusnya memanfaatkan teknologi e-pembelajaran dengan membimbing murid melayari laman sesawang yang berkaitan pembelajaran bahasa Arab kerana sangat mudah untuk dicapai jika murid mempunyai telefon pintar atau komputer riba dan internet.

Sementelahan, guru didapati tidak mempratikkan permainan bahasa dalam pengajaran bahasa Arab. Permainan bahasa sama ada dilakukan secara manual dalam kelas atau permainan bahasa yang terdapat dalam internet membantu menguatkan ingatan murid di samping menimbulkan keseronokan belajar sambil bermain. Kanak-kanak lumrahnya suka kepada permainan dan mereka cepat mempelajari sesuatu dengan bermain. Hal ini secara tidak langsung membolehkan murid mempelajari bahasa Arab dalam keadaan bawah sedar (Mohamad et al., 2017). Permainan dalam pembelajaran juga dapat membentuk sikap tanggungjawab, kerjasama, persaingan sihat dan menggalakkan keterlibatan murid dalam bilik darjah sekali gus memberikan suasana menyenangkan dan meninggalkan impak positif kepada murid (Nik Ali, 2020).

Di samping itu, terdapat sebilangan guru yang masih buntu dan belum bersedia untuk melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kebanyakan guru tidak bersedia dengan tugas pentaksiran alternatif yang dianggap hanya menambah tugas guru walaupun guru telah diberi latihan dan kursus, namun sebilangan guru masih lagi tidak yakin untuk melaksanakannya. Tugas sebagai seorang guru dan pentaksir bukanlah satu tugas yang ringan kerana untuk melaksanakan tanggungjawab ini, seseorang guru itu harus mempunyai pengetahuan yang mendalam dan luas terhadap bidang kepakaran mereka (Lane et al., 2015; Mohd Aini et al., 2020).

Pentaksiran bilik darjah bagi pengajaran bahasa sepatutnya merangkumi keempat-empat kemahiran bahasa. Contoh aktiviti yang boleh dijalankan seperti murid menghasilkan peta minda, dialog, bicara berirama dan lakonan. Aspek ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian tentang pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah kerana pentaksiran bilik darjah (PBD) perlu dilaksanakan dalam kelas. Guru-guru memerlukan modul pembelajaran yang bersesuaian untuk digunakan semasa PdP. Hasil kajian ini merupakan satu panduan buat guru-guru untuk melaksanakan kaedah pembelajaran aktif terutamanya bagi tujuan PBD yang wajib dilaksanakan dalam KSSR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan tadi iaitu kompetensi guru, pedagogi pengajaran, kurang penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran, kurang mempraktikkan permainan bahasa dan keperluan pembelajaran aktif dalam PBD, maka pengkaji mendapati apa yang berlaku

menunjukkan bahawa fenomena PdP bahasa Arab ini perlulah menjurus kepada kaedah pembelajaran aktif. Namun demikian, guru-guru tidak mempunyai panduan yang jelas dan tepat untuk melaksanakan kaedah pembelajaran aktif dalam pengajaran bahasa Arab, justeru kajian ini dijalankan kerana pada akhirnya pengkaji akan menghasilkan modul pembelajaran aktif agar dapat dijadikan panduan oleh guru bahasa Arab. Tambahan pula, setakat ini masih tiada lagi kajian yang menjalankan tentang pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah, maka kajian ini sangat penting untuk dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

Analisis keperluan merupakan fasa pertama yang penting dalam kajian reka bentuk dan pembangunan, justeru kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui keperluan pembangunan modul pembelajaran aktif terhadap guru bahasa Arab tahun empat sekolah rendah.
2. Mengetahui keperluan item isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran dalam pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah.

Hasil dapatan analisis keperluan akan menjawab persoalan berikut:

1. Adakah terdapat keperluan pembangunan modul pembelajaran aktif terhadap guru bahasa Arab tahun empat sekolah rendah?
2. Apakah item yang diperlukan dalam pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif, di mana data analisis keperluan pembinaan modul diperoleh daripada instrumen soal selidik terhadap guru-guru yang mengajar bahasa Arab tahun empat sekolah rendah.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 121 orang guru bahasa Arab tahun empat di sekolah rendah daerah Muallim, Batang Padang, Hilir Perak dan Bagan Datuk. Pengkaji memilih empat daerah sahaja kerana sekolah rendah di daerah tersebut merangkumi sekolah bandar dan luar bandar. Hasil daripada soal selidik sangat membantu pengkaji dalam mengetahui keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dan kesesuaian isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam modul yang akan dibina kerana para guru lebih mengetahui dan memahami realiti PdP di sekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah. Analisis keperluan tersebut mengandungi soal selidik berstruktur yang dibina oleh pengkaji berdasarkan kajian (Ramli & Tajudin, 2021) dan diubahsuai mengikut kesesuaian konstruk kajian. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu, bahagian A berkaitan demografi responden, bahagian B berkaitan keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah manakala bahagian C berkaitan item keperluan dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa arab tahun empat sekolah rendah yang terdiri daripada empat konstruk iaitu isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran.

Pengkaji mendapatkan data daripada guru-guru melalui soal selidik analisis keperluan yang dibina secara talian di *Google Form*. Pengkaji berjumpa dengan guru-guru bahasa Arab di sekolah untuk mengedarkan pautan soal selidik dan meminta wakil guru setiap daerah untuk menyebarkan pautan tersebut ke dalam kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram* mereka. Guru-guru memberikan kerjasama yang baik dalam menjawab soal selidik kajian. Soal selidik dijalankan pada fasa pertama iaitu analisis keperluan untuk mendapat maklum balas daripada guru-guru bahasa Arab berkaitan item yang diperlukan dalam modul sebelum mereka bentuk dan membangunkan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat. Soal selidik yang digunakan telah mendapat kesahan daripada dua orang pakar bahasa Arab dalam bidang pendidikan.

Jadual 1: Rumusan Soal Selidik Analisis Keperluan

Bahagian	Konstruk
A	Demografi Responden 1) Jantina 2) Umur 3) Pengalaman mengajar bahasa Arab (tempoh) 4) Latar belakang pendidikan 5) Tempat mengajar (daerah)
B	Keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah
C	Item keperluan dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah 1) Isi kandungan 2) Aktiviti 3) Bahan 4) Pentaksiran

Pengukuran

Soal selidik kajian ini menggunakan skala likert lima mata bermula dengan skala 1 (sangat tidak perlu), skala 2 (tidak perlu), skala 3 (tidak pasti), skala 4 (perlu) dan skala 5 (sangat perlu). Setiap item dalam soal selidik dinilai dari sudut kekerapan dan

peratusan. Nilai min bagi setiap bahagian atau konstruk diukur untuk menilai tahap keperluannya. Tahap skor min diukur dengan nilai 0.00 hingga 2.00 adalah pada tahap rendah, 2.01 hingga 3.00 pada tahap sederhana rendah, 3.01 hingga 4.00 pada tahap sederhana tinggi dan 4.01 hingga 5.00 merupakan tahap skor min yang tinggi (Nunnaly & Bernstein, 1994). Daripada penilaian tahap skor min dapat dikenal pasti tahap keperluan sesuatu tindakan dalam menyelesaikan permasalahan yang telah dibangkitkan (Mohammad & Mohamed, 2020).

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 29.0 untuk mengetahui nilai kekerapan dan peratusan bagi setiap item serta nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk. Hasil kajian mendapati tahap keperluan bagi kesemua konstruk adalah tinggi sekali gus menjawab persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Sampel kajian seramai 121 orang telah menjawab soal selidik. Berdasarkan analisis soal selidik yang dijalankan, demografi responden yang diperoleh adalah seperti berikut:

Bahagian A: Demografi responden

Jadual 2: Demografi Responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	34	28.1
	Perempuan	87	71.9
Umur	23 - 35 tahun	18	14.9
	36 - 45 tahun	62	51.2
	46 - 55 tahun	41	33.9
	Lebih 55 tahun	0	00.0
Pengalaman mengajar bahasa Arab	1 - 10 tahun	52	14.9
	11 - 20 tahun	63	52.1
	21 - 30 tahun	6	33.0
	Lebih 30 tahun	0	0.0
Latar belakang pendidikan	Diploma	5	4.1
	Ijazah Sarjana Muda	108	89.3
	Ijazah Sarjana	8	6.6
	Lain-lain (Nyatakan):	0	0.0
Tempat mengajar (daerah)	Muallim	19	15.7
	Batang Padang	36	29.8
	Hilir Perak	35	28.9
	Bagan Datuk	31	25.6

Jadual 2 menunjukkan responden dari kalangan guru bahasa Arab lebih ramai guru perempuan sebanyak 71.9% berbanding guru lelaki hanya 28.1%. Guru berumur

antara 36 hingga 45 tahun iaitu sebanyak 51.2%, kemudian guru berumur 46 hingga 55 tahun sebanyak 33.9% dan paling sedikit guru muda yang berumur 23 hingga 35 tahun sebanyak 14.9%. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 20 tahun paling ramai dengan nilai 52.1%, guru berumur 21 hingga 30 tahun sebanyak 33% dan paling sedikit guru muda yang berumur 1 hingga 10 tahun sebanyak 14.9%. Data menunjukkan kebanyakan guru memiliki ijazah sarjana muda iaitu 89.3% manakala 8% memiliki ijazah sarjana serta guru memiliki diploma paling sedikit sebanyak 4.1%. Guru yang mengajar bahasa Arab tahun empat di daerah Batang Padang paling ramai sebanyak 29.8%, Hilir Perak sebanyak 28.9%, Bagan Datuk 25.6% dan paling sedikit di daerah Muallim sebanyak 15.7%.

Bahagian B: Keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah

Jadual 3: Keperluan Menjalankan Kaedah Pembelajaran Aktif dalam PdP Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus				
	1	2	3	4	5
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi mendapatkan suasana pembelajaran dua hala antara murid dengan guru.	-	-	4 (3.3%)	36 (29.8%)	81 (66.9%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi mengasah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid.	-	-	2 (1.7%)	40 (33.1%)	79 (65.3%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab.	-	-	3 (2.5%)	42 (34.7%)	76 (62.8%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi membina pengetahuan murid.	-	-	4 (3.3%)	38 (31.4%)	79 (65.3%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid.	-	1 (0.8%)	5 (4.1%)	45 (37.2%)	70 (57.9%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Arab.	-	-	4 (3.3%)	35 (28.9%)	82 (67.8%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 agar pembelajaran berpusatkan murid dapat dilaksanakan.	-	-	3 (2.5%)	48 (39.7%)	70 (57.9%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 agar guru	-	2 (1.7%)	3 (2.5%)	45 (37.2%)	71 (58.7%)

dapat berperanan sebagai pemudah cara di dalam kelas.					
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi memberi peluang kepada murid untuk mengajar rakan-rakannya.	-	-	6 (5.0%)	43 (35.5%)	72 (59.5%)
Kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun 4 bagi meningkatkan sikap kerjasama dalam kalangan murid.	-	-	4 (3.3%)	44 (36.4%)	73 (60.3%)
Tahap keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah.					
Min	: 4.59				
Sisihan piawai	: 0.57				
Tahap	: Tinggi				

Jadual 3 menunjukkan kenyataan bagi semua item di dalam konstruk ini memperoleh lebih 90% responden menyatakan mereka setuju dan sangat setuju mengenai keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif. 98.4% guru bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat bagi mengasah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. 97.6% bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat agar pembelajaran berpusatkan murid dapat dilaksanakan. 97.5% bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat bagi meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab. 96.7% guru bersetuju bahawa kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat bagi mendapatkan suasana pembelajaran dua hala antara murid dengan guru, membina pengetahuan murid, meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Arab serta dapat meningkatkan sikap kerjasama dalam kalangan murid. 95.9% bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat agar guru dapat berperanan sebagai pemudah cara di dalam kelas. 95.1% bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat bagi memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid. 95.0% bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat bagi memberi peluang kepada murid untuk mengajar rakan-rakannya. Kesimpulannya, tahap keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.59 dan sisihan piawai 0.59.

Bahagian C: Item keperluan dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah

C1: Isi kandungan

Jadual 4: Item Isi Kandungan dalam Kandungan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus				
	1	2	3	4	5

Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengekalkan tajuk-tajuk seperti dalam buku teks KSSR agar memudahkan guru merujuk aktiviti yang dicadangkan.	-	-	8 (6.6%)	55 (45.5%)	58 (47.9%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi tajuk “Bulan-bulan Hijri” sebagai tambahan bagi tajuk “Bulan-bulan Masihi”.	-	4 (3.3%)	7 (5.8%)	43 (35.5%)	67 (55.4%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu menggabungkan kemahiran membaca dan menulis seperti gabungan kemahiran mendengar dan bertutur.	-	1 (0.8%)	7 (5.8%)	45 (37.2%)	68 (56.2%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti berelemen KBAT dan PAK-21.	-	-	5 (4.1%)	49 (40.5%)	67 (55.4%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti yang dapat dilaksanakan dalam tempoh 60 minit setiap kali PdP.	-	2 (1.7%)	9 (7.4%)	47 (38.8%)	63 (52.1%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi langkah-langkah bagi setiap aktiviti yang dicadangkan.	-	-	4 (3.3%)	51 (42.1%)	66 (54.5%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi langkah-langkah aktiviti yang dicadangkan dalam bahasa Melayu untuk memudahkan guru.	1 (0.8%)	6 (5.0%)	20 (16.5%)	43 (35.5%)	51 (42.1%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi kosa kata (mufradat) tambahan bagi setiap tajuk.	-	-	12 (9.9%)	51 (42.1%)	58 (47.9%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi gambar dan grafik yang jelas dan menarik untuk memudahkan guru memahami konten modul.	-	-	2 (1.7%)	44 (36.4%)	75 (62.0%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi teks hiwar, teks kalam jamaie dan lirik lagu yang berbaris tepat.	-	1 (0.8%)	8 (6.6%)	45 (37.2%)	67 (55.4%)
Tahap keperluan item isi kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah					
Min	:4.44				
Sisihan piawai	:0.68				
Tahap	: Tinggi				

Jadual 4 menunjukkan aspek isi kandungan modul pembelajaran aktif. 98.4% guru bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi gambar dan grafik yang jelas dan menarik untuk memudahkan guru memahami konten modul. 96.6% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat

perlu mengandungi langkah-langkah bagi setiap aktiviti yang dicadangkan. 95.9% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti berelemen KBAT dan PAK-21. 93.4% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengekalkan tajuk-tajuk seperti dalam buku teks KSSR agar memudahkan guru merujuk aktiviti yang dicadangkan dan guru perlu menggabungkan kemahiran membaca dan menulis seperti gabungan kemahiran mendengar dan bertutur. 92.6% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi teks hiwar, teks kalam jamaie dan lirik lagu yang berbaris tepat. 90.9% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi tajuk “Bulan-bulan Hijri” sebagai tambahan bagi tajuk “Bulan-bulan Masihi” dan perlu mengandungi aktiviti yang dapat dilaksanakan dalam tempoh 60 minit setiap kali PdP. 90.0% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi kosa kata (mufradat) tambahan bagi setiap tajuk. 77.6% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi langkah-langkah aktiviti yang dicadangkan dalam bahasa Melayu untuk memudahkan guru manakala 22.4% lagi lebih memilih untuk mengekalkannya dalam bahasa Arab. Tuntasnya, tahap keperluan item isi kandungan dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.44 dan sisihan piawai 0.68.

C2: Aktiviti

Jadual 5: Item Aktiviti dalam Kandungan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus				
	1	2	3	4	5
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti secara berkumpulan, berpasangan dan individu bagi tugas yang diberi.	-	2 (1.7%)	2 (1.7%)	45 (37.2%)	72 (59.5%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti dalam bentuk persembahan secara berkumpulan seperti nyanyian.	-	2 (1.7%)	5 (4.1%)	49 (40.5%)	65 (53.7%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti kemahiran bahasa seperti bicara berirama (kalam jamaie).	-	1 (0.8%)	10 (8.3%)	48 (39.7%)	62 (51.2%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti kemahiran bahasa seperti berdialog dalam bahasa Arab (hiwar).	-	-	7 (5.8%)	42 (34.7%)	72 (59.5%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti permainan bahasa seperti radio rosak.	-	1 (0.8%)	10 (8.3%)	46 (38.0%)	64 (52.9%)

Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti secara berpasangan seperti <i>Think Pair Share</i> .	-	-	6 (5.0%)	50 (41.3%)	65 (53.7%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti dalam bentuk mini projek seperti penghasilan e-buku skrap.	-	-	7 (5.8%)	50 (41.3%)	64 (52.9%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti sumbang saran (<i>brainstorm</i>), kemudian murid dipanggil secara rawak untuk berkongsi pandangan.	-	-	10 (8.3%)	45 (37.2%)	66 (54.5%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti Kertas Dua Minit iaitu membuat ringkasan tentang konsep, kaedah atau formula yang telah dipelajari secara individu.	-	5 (4.1%)	22 (18.2%)	50 (41.3%)	44 (36.4%)
Modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun 4 perlu mengandungi aktiviti mengumpulkan maklumat dalam bentuk catatan ringkas seperti peta minda.	-	2 (1.7%)	9 (7.4%)	48 (39.7%)	62 (51.2%)
Tahap keperluan item aktiviti dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah					
Min : 4.43					
Sisihan piawai : 0.67					
Tahap : Tinggi					

Jadual 5 menunjukkan 96.7% guru bahasa Arab bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti secara berkumpulan, berpasangan dan individu bagi tugas yang diberi. 95.0% modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti secara berpasangan seperti *Think Pair Share*. 94.2% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti dalam bentuk persembahan secara berkumpulan seperti nyanyian, aktiviti kemahiran bahasa seperti berdialog dalam bahasa Arab (hiwar) dan aktiviti dalam bentuk mini projek seperti penghasilan e-buku skrap. 91.7% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti sumbang saran (*brainstorm*), kemudian murid dipanggil secara rawak untuk berkongsi pandangan. 90.9% guru bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti kemahiran bahasa seperti bicara berirama (*kalam jamaie*), aktiviti permainan bahasa seperti radio rosak dan aktiviti mengumpulkan maklumat dalam bentuk catatan ringkas seperti peta minda. 77.7% bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi aktiviti Kertas Dua Minit iaitu membuat ringkasan tentang konsep, kaedah atau formula yang telah dipelajari secara individu manakala 22.3% lagi tidak bersetuju kerana aktiviti ini agak sukar untuk dilaksanakan oleh murid tahun empat. Konklusinya, tahap keperluan item aktiviti dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.43 dan sisihan piawai 0.67.

C3: Bahan

Jadual 6: Item Bahan Pengajaran dalam Kandungan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus				
	1	2	3	4	5
Guru perlu menggunakan <i>QR Code</i> untuk panduan audio.	-	2 (1.7%)	10 (8.3%)	49 (40.5%)	60 (49.6%)
Guru perlu menggunakan <i>QR Code</i> untuk panduan nyanyian.	-	1 (0.8%)	6 (5.0%)	50 (41.3%)	64 (52.9%)
Guru perlu menggunakan <i>QR Code</i> untuk panduan kalam jamaie.	-	1 (0.8%)	6 (5.0%)	51 (42.1%)	63 (52.1%)
Guru perlu menggunakan <i>Canva</i> untuk aktiviti <i>Think Pair Share</i> .	2 (1.7%)	2 (1.7%)	22 (18.2%)	41 (33.9%)	54 (44.6%)
Guru perlu menggunakan <i>Canva</i> untuk aktiviti Mix and Match (gabungkan kad bergambar dengan teks).	-	5 (4.1%)	12 (9.9%)	47 (38.8%)	57 (47.1%)
Guru perlu menggunakan <i>Canva</i> untuk mereka bentuk kad bergambar.	-	2 (1.7%)	18 (14.9%)	50 (41.3%)	51 (42.1%)
Guru perlu menggunakan bahan yang bercorak pengalaman seperti lawatan dan projek.	-	6 (5.0%)	18 (14.9%)	40 (33.1%)	57 (47.1%)
Guru perlu menggunakan bahan yang bercorak pengalaman seperti pameran.	-	3 (2.5%)	19 (15.7%)	49 (40.5%)	50 (41.3%)
Guru perlu menggunakan media sosial seperti TikTok sebagai medium untuk memuatkan video bersama dengan lirik.	3 (2.5%)	9 (7.4%)	33 (27.3%)	43 (35.5%)	33 (27.3%)
Guru perlu menggunakan media sosial seperti TikTok sebagai medium untuk menunjukkan contoh hiwar dalam bahasa Arab.	3 (2.5%)	3 (2.5%)	34 (28.1%)	44 (36.4%)	37 (30.6%)
Tahap keperluan item bahan pengajaran dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah					
Min : 4.21					
Sisihan piawai : 0.84					
Tahap : Tinggi					

Jadual 4 menunjukkan aspek bahan bantu mengajar (BBM) untuk modul pembelajaran aktif. Sebanyak 94.2% bersetuju guru perlu menggunakan *QR Code* untuk panduan nyanyian dan kalam jamaie, manakala 90.1% bersetuju guru perlu menggunakan *QR Code* untuk panduan audio. 85.9% bersetuju guru perlu menggunakan *Canva* untuk aktiviti Mix and Match (gabungkan kad bergambar dengan teks). 83.4% bersetuju bahawa guru perlu menggunakan *Canva* untuk mereka bentuk kad bergambar. 81.8% bersetuju guru perlu menggunakan bahan yang bercorak pengalaman seperti pameran dalam pengajaran. 80.2% bersetuju guru perlu menggunakan bahan yang bercorak pengalaman seperti lawatan dan projek. 78.5% bersetuju guru perlu menggunakan *Canva* untuk aktiviti *Think Pair Share*. 67.0%

bersetuju guru perlu menggunakan media sosial seperti TikTok sebagai medium untuk menunjukkan contoh hiwar dalam bahasa Arab. 62.8% bersetuju guru perlu menggunakan media sosial seperti TikTok sebagai medium untuk memuatkan video bersama dengan lirik, akan tetapi ramai guru yang masih tidak bersetuju dengan penggunaan TikTok sebagai bahan pengajaran kerana dikhuatiri melanggar etika dan media tersebut cenderung kepada hiburan. Tuntasnya, tahap keperluan item bahan dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.21 dan sisihan piawai 0.84.

C4: Pentaksiran

Jadual 7: Item Pentaksiran dalam Kandungan Modul Pembelajaran Aktif Bahasa Arab Tahun Empat Sekolah Rendah

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus (%)				
	1	2	3	4	5
Pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan skala semak.	2 (1.7%)	2 (1.7%)	7 (5.8%)	51 (42.1%)	59 (48.8%)
Pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan rubrik.		5 (4.1%)	16 (13.2%)	48 (39.7%)	52 (43.0%)
Pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan borang penilaian hiwar.	1 (0.8%)	7 (5.8%)	12 (9.9%)	51 (42.1%)	50 (41.3%)
Pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan antara murid dengan guru.	1 (0.8%)	3 (2.5%)	7 (5.8%)	49 (40.5%)	61 (50.4%)
Pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan antara murid dengan bahan pembelajaran.	1 (0.8%)	-	7 (5.8%)	52 (43.0%)	61 (50.4%)
Pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan skala pemerhatian.	1 (0.8%)	-	10 (8.3%)	55 (45.5%)	55 (45.5%)
Pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan skor markah.		1 (0.8%)	10 (8.3%)	51 (42.1%)	59 (48.8%)
Pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan rekod berterusan.	1 (0.8%)	5 (4.1%)	6 (5.0%)	47 (38.8%)	62 (51.2%)
Pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan lembaran kerja (soalan latihan).	1 (0.8%)	2 (1.7%)	7 (5.8%)	49 (40.5%)	62 (51.2%)
Pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan lembaran kerja (bentuk jadual).	-	4 (3.3%)	10 (8.3%)	52 (43.0%)	55 (45.5%)

Tahap keperluan item pentaksiran dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah	
Min	: 4.33
Sisihan piawai	: 0.77
Tahap	: Tinggi

Jadual 7 menunjukkan aspek pentaksiran untuk modul pembelajaran aktif. 93.4% guru bersetuju pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan antara murid dengan bahan pembelajaran. 90.9% guru bersetuju pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan skala semak dan kaedah pentaksiran secara lisan antara murid dengan guru. 83.4% guru bersetuju pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan borang penilaian hiwar. 82.7% bersetuju pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilakukan menggunakan rubrik.

Seterusnya, 91.7% guru bersetuju pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan lembaran kerja (soalan latihan). 91.0% guru bersetuju pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan skala pemerhatian. 90.9% guru bersetuju pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan skor markah. 90.0% bersetuju pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan rekod berterusan dan 88.5% bersetuju pentaksiran kemahiran membaca dan menulis perlu dilakukan menggunakan lembaran kerja (bentuk jadual). Konklusinya, tahap keperluan item pentaksiran dalam kandungan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.33 dan sisihan piawai 0.77.

PERBINCANGAN

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks dan buku tulis semata-mata tidak memadai dan tidak menepati tuntutan kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Guru-guru yang masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional seperti menghafal atau sekadar mengaplikasikan prosedur mudah, tidak membantu dalam mengembangkan kemahiran murid berfikir secara kritis. Bagi merealisasikan PAK-21, guru perlu bersiap sedia untuk melakukan transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi tuntutan pembelajaran era teknologi digital masa kini (Raja Ismail & Ismail, 2018; Mohd Rusdin, 2021) contohnya pendekatan pembelajaran aktif. Dapatan menunjukkan bahawa guru bersetuju kaedah pembelajaran aktif perlu dijalankan dalam PdP bahasa Arab tahun empat sekolah rendah. Tujuan pelaksanaan kaedah pembelajaran aktif dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah untuk mewujudkan suasana pembelajaran dua hala antara murid dengan guru agar murid lebih mudah menerima dan tertarik untuk belajar jika kaedah pembelajaran tidak membosankan dan lebih banyak gerakan (Arshad & Chee, 2017)

Di samping itu, pembelajaran aktif pada asasnya adalah model pembelajaran yang menekankan keaktifan dan penyertaan pelajar semasa proses pembelajaran.

Oleh itu, dalam model pembelajaran ini peranan pendidik atau guru tidak dominan dalam menguasai proses pembelajaran sebaliknya guru hanya bertindak sebagai fasilitator untuk memberi kemudahan kepada pelajar dengan merangsang keaktifan mereka dari segi fizikal, mental, sosial, emosi dan sebagainya (Rahayu, 2022). Pembelajaran aktif membuatkan pelajar sentiasa mempunyai pengalaman pembelajaran yang bermakna dan sentiasa memikirkan apa yang boleh dilakukan semasa pembelajaran.

Seterusnya bagi persoalan kajian kedua berkenaan item yang diperlukan dalam modul iaitu dari segi isi kandungan menunjukkan guru bersetuju isi kandungan seperti tajuk dikekalkan untuk memudahkan guru merujuk aktiviti yang dicadangkan, akan tetapi ada sedikit perubahan seperti pengkaji menggabungkan juga kemahiran membaca dan menulis seperti gabungan kemahiran mendengar dan bertutur kerana guru berpendapat ketika pelaksanaan kemahiran bahasa semasa PdP secara tidak langsung berlaku pengintegrasian antara kemahiran-kemahiran tersebut. Kebanyakan guru juga bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi gambar dan grafik yang jelas dan menarik untuk memudahkan guru memahami konten modul. Di samping itu, guru bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat perlu mengandungi langkah-langkah bagi setiap aktiviti yang dicadangkan. Modul yang dibina mestilah lengkap dengan konten yang menarik dan mudah difahami agar guru dapat memanfaatkan dengan sebaiknya dalam melaksanakan PdP yang berkesan.

Sementelahan, guru bersetuju dengan aktiviti yang dicadangkan dalam modul contohnya aktiviti untuk kemahiran mendengar dan bertutur seperti nyanyian, *kalam jamaie*, *hiwar* dan lakonan. Aktiviti tersebut dilaksanakan sama ada secara berkumpulan, berpasangan atau individu mengikut aspek yang ingin dinilai. Tambahan bagi aktiviti kemahiran membaca dan menulis pula, guru bersetuju dengan aktiviti membuat peta minda, kertas dua minit dan penghasilan projek ringkas seperti e-buku skrap. Selain itu, guru bersetuju dengan bahan bantu mengajar (BBM) atau alat bantu mengajar (ABM) yang dicadangkan seperti penggunaan kod qr untuk penggunaan audio dan video dalam modul. Kebanyakan guru juga bersetuju untuk menggunakan Canva sebagai medium untuk menghasilkan BBM sebaliknya terdapat beberapa orang guru tidak bersetuju penggunaan media sosial TikTok sebagai medium PdP untuk murid-murid kerana dikhuatiri terdapat percampuran unsur negatif dari dunia hiburan.

Secara keseluruhan para responden bersetuju modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat sekolah rendah perlu dibangunkan untuk meningkatkan kualiti PdP. Perkara ini jelas dilihat melalui dapatan analisis keperluan yang dijalankan terhadap guru bahawa mereka menyatakan persetujuan mengenai keperluan menjalankan kaedah pembelajaran aktif dan bersetuju dengan isi kandungan, aktiviti, bahan dan pentaksiran yang dicadangkan oleh pengkaji. Tuntasnya pembangunan modul pembelajaran aktif bahasa Arab sangat penting dalam membantu guru melaksanakan PdP dengan berkesan serta boleh dijadikan panduan oleh guru untuk menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan.

KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan amat penting untuk mengenal pasti keperluan dan persepsi guru-guru terhadap modul yang akan dibina. Pengkaji yang ingin membina modul perlu melaksanakan kajian analisis keperluan terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat tentang konteks dan situasi kajian. Dapatan analisis menunjukkan keperluan modul pembelajaran aktif bahasa Arab tahun empat berada pada tahap tinggi sekali gus memberi isyarat modul tersebut perlu dibangunkan untuk panduan guru semasa pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ali dan Mahamod (2015) modul yang dibina perlu mengambil kira masalah yang dihadapi oleh guru dan keperluan sedia ada supaya modul dapat memenuhi keperluan guru.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, Dr. Zarima Mohd Zakaria, Geran Penyelidikan Universiti (GPU) UPSI bernombor kod 2022-0014-107-01, pakar kesahan instrumen, guru-guru bahasa Arab tahun empat di PPD Muallim, Batang Padang, Hilir Perak dan Bagan Datuk, keluarga dan sahabat-sahabat yang banyak membantu dan memberikan sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

RUJUKAN

- Arshad, M., & Chee, S. C. (2017). Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6, 86. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Ariana, R. (2016). *Teknologi integrasi matrix* (pp. 1-23).
- Hussin, M. N., Ahmad, M. Z., & Samsudin, S. (2018). Kepentingan dan keperluan mempelajari bahasa al-Quran. In *Proceeding of the International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith 2018 (THIQA 2018)* (pp. 275-282).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum standard sekolah rendah Bahasa Arab: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Tahun 4*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pentaksiran bilik darjah (PBD)*. <https://www.moe.gov.my/soalan-lazim-menu/kurikulum/kurikulum>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Mata pelajaran & peruntukan masa minimum*

- jam setahun*. <https://anyflip.com/alsmq/fcig>
- Lane, K. L., Oakes, W. P., Powers, L., Diebold, T., Germer, K., Common, E. A., & Brunsting, N. (2015). Improving teachers' knowledge of functional assessment-based interventions: Outcomes of a professional development series. *Education and Treatment of Children*, 38(1).
- Mohamad, N., Yusoff, S. Z., Abdullah, N. H., & Syed Azmy, S. N. M. (2017). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab: Tinjauan awal peringkat sekolah rendah Terengganu. In *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab* (pp. 4-6).
- Mohammad, N. A., & Mohamed, S. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 70-82.
- Mohd Aini, M. A. A., Selamat, A. Z., Che Malek, N. A., & Mohammad, N. S. (2020). Pemeraksanaan instrumen pendekatan kaedah neoterik dalam pembelajaran Pendidikan Moral Tahap 1 bagi membentuk generasi kalis masa depan. In *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)* (pp. 1-23).
- Mohd Rusdin, N. (2021). Teknik Fuzzy Delphi dalam mereka bentuk modul pedagogi pembelajaran aktif berasaskan kemahiran 4K bagi nombor bulat dan operasi asas matematik. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(2), 67-80.
- Nik Ali, N. R. (2020). Kaedah permainan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab [The method of language game in teaching and learning Arabic]. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(3), 60-66.
- Rahayu, S. (2022). *Desain pembelajaran aktif (active learning)*. <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=t0GFEEAAQBAJ>
- Raja Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi "Konsep 4C" pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal*, 1(1), 45-65.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1).